



اوتيم تكنولوجي مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

Info

USAHAWAN

Usahawan Pemacu Ekonomi Mapan

Edisi 30

ISSN 1823-6421

BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED UiTM CAWANGAN TERENGGANU

Usahawan Muda Melalui Cendawan Tiram Kelabu

Zarith Sofia Jasmi¹, Nur Hanisah Mohamad Razali², Nur Rifhan A. Rahim³, Haslina Wahab⁴

^{1,2,3,4} Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi Mara, Segamat, Johor, Malaysia

Email: zarithsofia@uitm.edu.my, hanisahmr@uitm.edu.my

Cendawan tiram kelabu adalah cendawan yang paling popular di kalangan usahawan muda yang mula menceburi bidang perniagaan cendawan. Selain berwarna kelabu, cendawan tiram ini mempunyai warna yang lain seperti warna putih, kuning, merah jambu, biru, dan ungu. Rasa dan tekstur setiap cendawan ini berbeza mengikut warna.

Langkah pertama untuk memulakan perniagaan adalah dengan mengenal pasti cara penanaman cendawan. Bongkah cendawan adalah cara yang paling mudah untuk menanam cendawan tiram. Walaupun bongkah ini sudah sedia ada dijual di pelbagai aplikasi dalam talian, akan tetapi cara pembuatan bongkah tiram sangat mudah. Yang diperlukan hanyalah serbuk kayu, dedak padi, kapur pertanian, dan campurkan semua bahan bersama air yang tidak melebihi 75 peratus dari campuran bahan tersebut. Kemudian, campuran itu boleh dimasukkan dan dimampatkan ke dalam beg plastik polypropylene (PP), ditutup, dan dikukus dengan suhu 90 hingga 100 darjah celsius selama 4 hingga 6 jam. Setelah dikukus, beg PP tersebut perlu disejukkan selama 1 hingga 2 hari dengan suhu 28 darjah celsius. Sebagai langkah pembersihan, beg PP perlu disembur dengan larutan pembasmi kuman seperti Dettol, Lysol dan Jeypine sebelum memulakan suntikan benih cendawan ke dalam bongkah tersebut. Bongkah-bongkah ini perlu matang terlebih dahulu sebelum memulakan penanaman. Gambar di bawah menunjukkan peratusan kematangan bongkah cendawan sebelum 100 peratus matang. Kematangan bongkah cendawan tiram adalah dengan melihat keputihan bongkah tersebut. Akan tetapi, bagi usahawan yang baru bermula dengan cendawan tiram, amatlah digalakkan untuk membeli dahulu bongkah sedia ada di pasaran yang berharga RM2.50 sebelum membuat bongkah cendawan sendiri.

Selepas 100 peratus matang iaitu bongkah adalah putih sepenuhnya, bongkah tersebut boleh disusun untuk memulakan proses pembukaan penutup bongkah. Pastikan persekitaran penanaman cendawan adalah redup, tiada cahaya matahari, dan pengaliran udara yang baik akan tetapi lembab untuk menggalakkan pembiakan pembesaran cendawan tersebut. Ada 2 cara pembiakan cendawan ini boleh dilakukan. Cara pertama adalah dengan menyembur

air di sekitar bongkah tersebut, tetapi elakkan terkena bahagian mulut bongkah supaya tidak dijangkiti kulat hijau. Cara kedua adalah dengan membalut bongkah cendawan dengan kain basah yang bersih. Cara ini adalah cara yang paling selamat dan berkesan untuk usahawan baru. Sentiasa basahkan kain untuk menggalakkan pertumbuhan cendawan. Cendawan akan mula tumbuh sekitar hari ke2. Gambar seperti di bawah.



Penuaian cendawan tiram boleh dilakukan pada hari ke3, dengan mengukur 3 jari pada saiz cendawan tersebut. Ini adalah untuk menjaga kualiti cendawan tiram supaya tidak merekah apabila terlalu besar, dan tidak liat apabila digoreng. Tuaian boleh dibuat dengan memegang pangkal cendawan dan pusingkan sedikit sehingga longgar. Apabila sudah dituai, hendaklah dicungkil sedikit baki akar dan dibiarkan selama satu hari sebelum menutup mulut bongkah tersebut untuk mengelakkan jangkitan kuman. Bongkah ini perlu direhatkan selama 7 hingga 10 hari sebelum memulakan pusingan tanaman yang kedua. Bagi cendawan tiram, bongkah ini boleh mengeluarkan sehingga 8 kitaran tuaian.



Cendawan yang sudah dituai disimpan di dalam peti ais dan boleh bertahan sehingga 3 bulan untuk jualan. Harga jualan boleh dimulai dengan RM2 untuk 100 gram, RM5 untuk 250 gram, dan RM10 untuk 500 gram. Setiap gugusan cendawan yang dituai mencapai 170 gram bergantung kepada saiz. Oleh itu, disarankan untuk memulakan perniagaan cendawan ini dengan 1000 bongkah, dan mestilah digandakan jumlah pada pembelian seterusnya untuk mencapai untung sekitar 5 angka sebulan. Jadi, marilah menjadi usahawan muda cendawan tiram!

